

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 22, 2019 4:12 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tingkatkan Persaudaraan Untuk Kekal Bahagia



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 OKTOBER 2019 / 23 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TINGKATKAN PERSAUDARAAN UNTUK KEKAL BAHAGIA



UUM ONLINE: Kehidupan merupakan satu perjalanan yang cukup mencabar dan sebaik-baik perjalanan yang ditempuh pastinya yang mengandungi kebahagiaan.

Pro-Canselor, Yang Teramat Mulia Brig. Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah bertitah, mauduk ini pernah dikupas oleh Imam Muhamad Al-Ghazali, seorang pemikir dan penulis Islam terkenal dalam bukunya, *The Alchemy of Happiness*.

Titahnya, Imam al-Ghazali mengingatkan bahawa *as-sa'adah* atau kebahagiaan merupakan konsep utama dalam falsafah Islam dan merupakan satu daripada tujuan utama kehidupan manusia.

“Kebahagiaan merupakan fitrah bagi manusia yang dianugerahkan oleh Allah yang perlu dicari dan diburu oleh manusia oleh itu, saya menyarankan supaya setiap graduan sentiasa berusaha untuk mencapai kebahagiaan dalam kehidupan seharian.

“Dengan kebahagiaan, graduan berupaya untuk meneroka ilmu secara berterusan, di samping berbakti kepada masyarakat, agama dan negara serta menjadi pemimpin yang mengamalkan moto Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu Ilmu, Budi, Bakti,” titahnya pada sesi kelima Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM.

Titahnya, pendidikan berteraskan nilai ditetapkan sebagai satu hala tuju dalam sistem pendidikan negara seiring dengan peningkatan kualiti, autonomi dan akauntibiliti.

“Ekosistem pendidikan harus dibina berteraskan tiga nilai iaitu cinta, kegembiraan dan saling menghormati agar tempat pengajian menjadi tempat yang menyeronokkan dan menyemai rasa cinta terhadap ilmu.

“Dengan mengutamakan tiga prinsip asas tersebut dalam berinteraksi, para graduan akan menyemai dan menyuburkan rasa kegembiraan ketika menjalani kehidupan dan mampu melaksanakan tugas lebih profesional dan berintegriti tinggi kepada masyarakat dan negara.

“Persoalan yang muncul ialah bagaimanakah cara yang terbaik untuk mencapai kebahagiaan?” titahnya.

Berdasarkan satu kajian yang dijalankan di Harvard University dari tahun 1938 hingga kini yang melebihi 80 tahun, didapati bahawa faktor utama yang menghasilkan kehidupan yang bahagia ialah persaudaraan dan perhubungan sesama insan.

Menurut Dr. Waldinger, seorang pakar psikiatri dan profesor di Harvard Medical School, kajian ini telah menemui hubungan yang signifikan antara kebahagiaan dan hubungan rapat dengan pasangan, keluarga, rakan dan dalam kalangan sosial.

Pro-Canselor bertitah, kajian ini melibatkan 724 peserta lelaki yang terdiri daripada pelbagai status sosial dan ekonomi sejak mereka remaja lagi dan 60 peserta masih hidup.

“Pendek kata, hubungan yang baik bukan sahaja membawa kegembiraan malah diiringi dengan kesihatan yang baik. Jelaslah bahawa daripada kajian ini, kita semua memerlukan satu sama lain untuk mewujudkan kehidupan yang membahagiakan. Kegembiraan ini akan membawa kita ke tahap kehidupan yang lebih sempurna.

“Oleh itu, tingkatkanlah persaudaraan sesama insan supaya kegembiraan yang lebih bermakna dapat dicapai dalam kehidupan seharian,” titahnya.

Dalam pada itu titahnya lagi, kehidupan manusia akan dipermudahkan dengan bantuan robot yang akan menguruskan hal ehwal dan tugas seharian pada zaman ini yang dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Titahnya, untuk menghadapi perubahan Revolusi Industri 4.0 dengan penggunaan robot pintar yang cukup canggih ini, maka pertalian persaudaraan yang erat sesama manusia akan menjadi lebih penting dalam usaha kita untuk mengekalkan kebahagiaan dan kegembiraan.

Beliau berharap kegembiraan dan kebahagiaan yang dirasakan graduan dari Universiti Pengurusan Terkemuka ini akan berkekalan dan terus mendorong mencapai kecemerlangan dalam semua urusan pekerjaan yang diceburi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.